KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	5/1/2022 (RABU)	MUKA SURAT	:	23
JABATAN	:	JPN PAHANG			

Balak di Bentong: Video ditular isu lama

Ia kawasan lesen pembersihan hutan berstatus tanah milik

Oleh NIK AMIRUL MU'MIN NIK MIN

KUANTAN

Isu pembalakan di kawasan Hutan Simpan Lentang, Bentong yang ditularkan kembali melalui sebuah akaun Facebook baru-baru ini adalah kawasan lesen pembersihan hutan berstatus tanah milik.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Datuk Dr Mohd Hizamri Mohd Yasin berkata, video yang dipaparkan itu isu lama pada tahun 2020.

Menurutnya, aktiviti itu berlaku dalam tanah milik iaitu JPNP hanya berikan kebenaran untuk pelesen mengeluarkan kayu menggunakan hutan simpan sebagai laluan.

"Bagaimanapun kebenaran mengeluarkan kayu dari tanah milik berkenaan menggunakan hutan simpan sebagai laluan telah ditarik balik.

"Jadi, tiada isu kerana aktiviti pembalakan dalam kawasan Hutan Simpan Lentang tidak berlaku seperti yang didakwa," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Selasa.



MOHD HIZAMRI

Mohd Hizamri berkata, lesen pengeluaran balak melibatkan kawasan itu diluluskan pada 15 Oktober 2020 sebelum arahan menghentikan kerja sementara dikeluarkan kepada pelesen pada 30 Oktober tahun sama.

"JPNP mengambil keputusan untuk membatalkan lesen pengeluaran balak bagi kawasan ini setelah mengambil kira beberapa faktor," katanya.

Menurutnya, isu tersebut juga pernah tular sebelum ini dan ia sudah pun dijelaskan namun ada pihak sengaja memuat naik kembali video berkenaan.